

## **BAB VII**

### **KESIMPULAN**

Kajian sejarah perkembangan perusahaan perikanan di Brunei ini melibatkan satu jangka masa yang panjang iaitu lebih kurang 208 tahun (1800-2008). Berpandukan pendekatan sejarah dapat difahami bahawa perusahaan perikanan di Brunei mengalami proses sejarah yang berterusan, yang mempunyai kepentingan dan memainkan peranan yang penting. Hasil peninjauan terhadap proses sejarah perikanan, telah memberi gambaran dalam erti kata yang sebenar tentang perubahan dan perkembangan perusahaan perikanan di Brunei pada hari ini yang tidak mampu memenuhi permintaan sumber perikanan.

Keadaan pada hari ini adalah terhasil daripada benih atau tindakan dan proses masa lalu. Oleh itu, penyelidikan yang mengambil kira kepentingan aspek sejarah perlu dilakukan bagi mengetahui dan memahami kedudukan sebenar perubahan dan perkembangan yang telah berlaku pada hari ini. Pengetahuan aspek sejarah akan membolehkan usaha-usaha pembangunan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan dapat dirancang dengan lebih sempurna dan menepati persoalan sebenar. Atas kepentingan ini, kajian ini menitikberatkan masa secara kronologi yang dimulai pada zaman Pentadbiran Tradisi hinggalah pada zaman Brunei merdeka. Dalam hal ini, kajian ini tidak akan dilihat dalam konteks perusahaan secara berasingan tetapi dalam konteks tahap-tahap sejarah Brunei secara keseluruhannya. Oleh itu, kajian ini telah melihat hubung kait perubahan dan perkembangan perusahaan perikanan dengan proses-proses politik, pentadbiran, ekonomi dan demografi yang lebih luas.

Berdasarkan kepada hasil dan penemuan kajian yang diperoleh, dapat disimpulkan bahawa perusahaan perikanan di Brunei sepanjang tempoh masa kajian, telah mengalami pelbagai perubahan. Sebahagian besar perubahan tersebut dipengaruhi oleh usaha untuk memenuhi permintaan sumber perikanan yang mengalami perubahan dari segi bentuk komoditi perikanan yang diminta dan peningkatan dari segi kuantiti permintaan dari setahun ke setahun. Perubahan dari segi bentuk dan peningkatan kuantiti ini dipengaruhi secara langsung atau secara tidak langsung oleh pelbagai faktor seperti peranan yang dimainkan oleh pihak pentadbiran dan golongan pemodal, perkembangan ekonomi daratan, pertambahan bilangan penduduk, peranan tenaga buruh perikanan, pemodenan teknologi penangkapan ikan dan aliran pemasaran hasil perikanan.

Kesemua faktor di atas mempunyai hubung kait atau saling pengaruh mempengaruhi antara satu dengan yang lain. Perkembangan dan hubung kait antara faktor-faktor ini memainkan peranan penting dalam mempengaruhi perubahan perusahaan perikanan di Brunei. Peranan dan komitmen pihak pentadbiran merupakan kunci utama atau asas penting yang mempengaruhi terhadap perubahan faktor-faktor lain termasuklah perusahaan perikanan. Dengan kata lain, setiap kali berlaku perubahan sistem pentadbiran akan berubah juga tindak balas yang dimainkan oleh pihak pentadbiran terhadap perusahaan perikanan. Sepanjang tempoh masa kajian dari tahun 1800 hingga 2008, enam sistem pentadbiran telah dilaksanakan, iaitu Pentadbiran Tradisi, Pentadbiran Residen British I, Pentadbiran Tentera Jepun, Pentadbiran Residen British II, Pentadbiran Berkerajaan Sendiri dan Pentadbiran Berkementerian setelah mencapai kemerdekaan. Oleh itu, enam bentuk pendekatan dan tindak balas yang berbeza daripada pihak pentadbiran terhadap perusahaan perikanan telah berlaku sepanjang tempoh kajian.

Semasa zaman Pentadbiran Tradisi, usaha penghasilan komoditi perikanan kurang diberi perhatian oleh pihak pentadbiran. Aktiviti perikanan dibiarkan berkembang sendiri atas usaha nelayan. Dasar ini telah menyebabkan perusahaan perikanan berada pada tahap yang rendah khususnya dari segi kaedah dan teknologi penangkapan ikan yang digunakan. Bagaimanapun perusahaan perikanan diperlukan untuk menghasilkan beberapa komoditi perikanan untuk memenuhi permintaan pasaran tempatan dan antarabangsa. Permintaan pasaran tempatan khususnya daripada penduduk di Kampong Ayer dan penduduk yang berada di kawasan pedalaman diusahakan sendiri oleh para nelayan dan para peniaga kecil-kecilan seperti *padian* dan *pengalu*. Permintaan dari penduduk di kawasan Kampong Ayer adalah dalam bentuk segar. Manakala komoditi perikanan yang diproses sama ada dikering, dimasin, disalai atau *diliking* (jeruk) dihasilkan untuk memenuhi permintaan daripada penduduk yang berada di kawasan pedalaman. Manakala permintaan pasaran antarabangsa diselenggarakan oleh pemilik dan wakil di tanah jajahan. Mereka memberi perhatian khusus kepada komoditi tripang, kulit penyu dan sirip ikan jerung yang telah dikeringkan untuk dieksport. Komoditi-komoditi eksport ini diperolehi daripada para nelayan yang berada di tanah jajahan sebelah pantai timur dari pentadbiran pusat (Sabah) untuk memenuhi permintaan tinggi daripada golongan bangsawan di benua China.

Gambaran ini memperlihatkan bahawa objektif aktiviti perikanan pada zaman Pentadbiran Tradisi adalah untuk memenuhi permintaan daripada penduduk berhampiran di Kampong Ayer dengan komoditi segar dan daripada penduduk pedalaman dan pasaran antarabangsa dengan komoditi perikanan yang telah diproses. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa aktiviti perikanan pada zaman Pentadbiran Tradisi bukan hanya dapat mendaratkan hasil perikanan segar yang mencukupi tetapi juga berupaya menghasilkan komoditi perikanan yang telah diproses. Ini menunjukkan bahawa

penghasilan komoditi hiliran pada zaman Pentadbiran Tradisi berkembang seiring dengan penghasilan komoditi huluannya.

Kemampuan Brunei memenuhi permintaan pasaran antarabangsa telah terjejas dan mengalami kemerosotan yang amat teruk pada abad ke-18 dan ke-19. Tanah jajahan di sebelah pantai timur yang menjadi pembekal komoditi eksport perikanan telah diserahkan kepada kekuasaan Kesultanan Sulu. Penyerahan tanah jajahan ini secara langsung telah menyebabkan Brunei kehilangan bekalan komoditi perikanan untuk dieksport ke pasaran antarabangsa. Ini menjadikan aktiviti perikanan pada tempoh-tempoh akhir zaman Pentadbiran Tradisi hanya berupaya untuk memenuhi permintaan pasaran tempatan sahaja. Ini bermakna kemampuan aktiviti perikanan memenuhi permintaan pasaran antarabangsa pada masa itu sangat bergantung kepada sumbangan daripada tanah jajahannya. Di samping itu, kebergantungan ini juga memberi gambaran awal kepada perkembangan perusahaan perikanan di Brunei pada tahun-tahun seterusnya. Perkembangan perusahaan perikanan di Brunei bukan hanya tidak berkemampuan untuk memenuhi pasaran antarabangsa, tetapi juga sangat bergantung kepada bekalan komoditi perikanan import untuk memenuhi permintaan pasaran tempatan.

Penguasaan Brunei terhadap tanah-tanah jajahan semakin terancam pada pertengahan abad ke-19. Hampir keseluruhan tanah-tanah jajahan Brunei telah diserahkan atau dipajakkan kepada kuasa barat terutama regim Brooke dan BNBCC. Kehilangan penguasaan terhadap tanah jajahan telah menyebabkan Brunei kehilangan sumber ekonomi yang menjadi tulang belakang kepada kekuasaan Brunei. Natiyah daripada keadaan ini, Brunei telah menjadi sebuah negara muflis. Brunei terpaksa bernaung di bawah kerajaan British melalui sistem Pentadbiran Residen pada tahun 1906. Sistem Pentadbiran Residen British I yang telah diperkenalkan merupakan satu lembaran baru

dalam sejarah Brunei. Ini kerana corak pentadbiran dan sistem ekonomi tradisi Brunei telah diganti dengan corak pentadbiran koloni yang mendukung perkembangan ekonomi kapitalis.

Pentadbiran Residen British I tidak memberi perhatian kepada pembangunan aktiviti pengeksploitasian sumber laut. Pihak pentadbiran hanya memberi tumpuan kepada sumber ekonomi daratan untuk mendapatkan dan menghasilkan komoditi-komoditi yang mempunyai nilai pasaran Eropah seperti *cutch*, getah asli, sagu, arang batu, minyak mentah dan gas asli. Tenaga buruh yang ramai sangat memainkan peranan penting dalam usaha mengeluarkan sumber daya di atas. Oleh itu, Pentadbiran Residen British I telah membukakan ruang yang luas kepada kemasukan ramai pekerja asing berbangsa India dan Cina dari India, Jesselton, Labuan dan Miri untuk menjadi buruh di sektor-sektor ekonomi daratan. Dengan demikian berlakunya pertambahan penduduk yang pesat di Brunei, yang rata-rata mereka ini tidak terlibat dalam aktiviti perikanan.

Kepesatan pertambahan penduduk ini telah mempengaruhi kepada peningkatan permintaan sumber perikanan untuk makanan di pasaran tempatan. Oleh kerana rata-rata tenaga buruh terlibat dalam sektor-sektor ekonomi daratan dan ketiadaan air batu apatah lagi kemudahan bilik sejuk, hanya sumber perikanan dalam bentuk yang diproses yang diberi tumpuan. Produk ikan masin, ikan kering dan udang kering merupakan sumber protein utama dan termurah bagi tenaga buruh pada waktu itu. Selain itu, penumpuan kepada sumber perikanan dalam bentuk yang diproses khususnya produk udang kering, adalah untuk memenuhi permintaan pasaran eksport daripada tenaga buruh di luar negara. Beberapa buah kilang proses pengeringan (*drying depot*) telah dibuka dalam usaha untuk meningkatkan hasil pengeluaran produk perikanan dalam bentuk kering dan masin. Dengan ini menunjukkan bahawa peningkatan permintaan sumber

perikanan dalam bentuk yang diproses di pasaran tempatan dan luar negara khususnya daripada tenaga buruh telah mempengaruhi kepada perubahan bentuk produk perikanan yang dihasilkan. Perubahan ini juga telah mendorong kepada peningkatan dari aspek proses penghasilan produk perikanan daripada keluaran secara tradisi kepada keluaran kilang.

Kejayaan dan kemampuan perusahaan perikanan meningkatkan hasil pengeluaran produk perikanan dalam bentuk kering dan masin untuk memenuhi pasaran tempatan dan eksport, adalah atas usaha golongan pemodal Cina yang menguasai dan memonopoli perusahaan perikanan pada waktu itu. Dalam memastikan bekalan sumber perikanan secara berterusan untuk dikering dan dimasinkan, golongan pemodal Cina telah memperkenalkan sistem kredit yang dikenali sebagai 'sistem tauke' yang menjadi azimat untuk menguasai para nelayan. Melalui sistem ini, para nelayan telah dapat membuat perubahan dan menambah bilangan teknologi penangkapan ikan untuk meningkatkan hasil pendaratan dan pendapatan harian. Bagaimanapun, di sebalik kemanisan sistem ini, para nelayan terpaksa menjual hasil perikanan yang didaratkan kepada golongan pemodal Cina sahaja. Penguasaan penuh golongan pemodal Cina tanpa sebarang saingan dari mana-mana pihak, disebabkan peranan yang dimainkan oleh Pentadbiran Residen British I yang tidak mementingkan pembangunan perusahaan perikanan. Pihak pentadbiran hanya memberi tumpuan kepada soal pentadbiran khususnya dari segi kutipan hasil bayaran lesen sahaja.

Kemampuan perusahaan perikanan memenuhi permintaan sumber perikanan hanya bertahan lebih kurang dua dekad. Bermula awal tahun 1930an permintaan tinggi daripada tenaga buruh terhadap produk perikanan dalam bentuk kering telah tidak dapat dipenuhi oleh kilang-kilang pengeringan (*dry depot*). Peningkatan drastik permintaan

sumber perikanan dipengaruhi oleh peranan pihak pentadbiran yang memberi komitmen tinggi terhadap perkembangan sektor minyak dan gas yang telah ditemui pada tahun 1929. Selain kedatangan ramai tenaga buruh asing dalam sektor minyak dan gas, sebahagian penduduk yang sebelum ini menjadi nelayan juga telah melibatkan diri dalam sektor minyak dan gas. Keadaan ini menunjukkan dengan jelas bahawa ketidakmampuan aktiviti perikanan khususnya kilang-kilang pengeringan (*dry depot*) memenuhi permintaan sumber perikanan disebabkan penurunan bilangan nelayan dan pertambahan bilangan tenaga buruh dalam sektor ekonomi daratan. Apa yang pasti, pertambahan bilangan tenaga buruh akan meningkatkan kuantiti permintaan sumber perikanan.

Mengimport produk ikan kering dari negeri-negeri jiran seperti Borneo Utara (Sabah), Sarawak dan Labuan merupakan langkah jangka pendek yang telah diambil bagi memenuhi peningkatan permintaan sumber perikanan. Langkah yang dilaksanakan ini memperlihatkan dasar Pentadbiran Residen British I masih tidak mengambil peranan dalam memberi perhatian terhadap pembangunan perusahaan perikanan. Ini jelas terbukti dengan tiadanya sebarang usaha dan rancangan jangka panjang pembangunan perusahaan perikanan dilakukan. Di samping itu, situasi yang berlaku ini juga telah mempengaruhi kepada objektif perusahaan perikanan di Brunei yang lebih memberi tumpuan kepada usaha memenuhi permintaan pasaran tempatan. Keadaan ini telah mengabaikan perdagangan eksport perikanan yang sangat diberi keutamaan oleh negara-negara lain. Apa yang dapat diambil perhatian di sini ialah kebergantungan ini adalah benih awal yang telah memberi kesan terhadap kebergantungan Brunei secara berterusan terhadap bekalan komoditi perikanan import sehingga pada masa ini.

Aktiviti perikanan untuk memenuhi permintaan sumber perikanan di pasaran tempatan terjejas semasa pendudukan Jepun di Brunei. Dasar pentadbiran tentera Jepun

yang lebih mementingkan urusan keselamatan dan pertahanan telah mempengaruhi kepada kemerosotan dan kelumpuhan aktiviti perikanan akibat golongan pemodal Cina telah melarikan diri. Kelumpuhan aktiviti penangkapan ikan dan ketiadaan golongan pemodal Cina yang menguasai dan memonopoli perusahaan perikanan khususnya kilang-kilang proses pengeringan (*dry depot*), tidak memungkinkan ikan masin dan ikan kering dapat dihasilkan. Aktiviti perdagangan perikanan tidak wujud sama sekali pada waktu itu. Objektif aktiviti perikanan pada masa itu hanya untuk memenuhi keperluan sara diri dan memenuhi permintaan daripada tentera Jepun secara paksa. Ini bermakna, hanya hasil tangkapan dalam bentuk segar dengan kuantiti yang sangat berkurangan sahaja dapat dihasilkan pada waktu itu. Manakala bekalan sumber perikanan dalam bentuk yang diproses sama sekali tidak dapat diperolehi.

Selepas Jepun menyerah kalah dan Sistem Pentadbiran Residen British disambung semula, permintaan sumber perikanan lebih terarah kepada sumber perikanan dalam bentuk segar. Kepsatan proses pemulihan dan pembangunan semula aktiviti ekonomi perlombongan, pertanian dan perhutanan termasuk juga perikanan telah menambahkan dengan pesatnya bilangan penduduk. Oleh itu, sama seperti yang berlaku pada zaman Pentadbiran Residen British I, pertambahan bilangan penduduk dengan sendirinya meningkatkan kuantiti permintaan sumber perikanan untuk makanan di pasaran tempatan.

Dalam usaha memenuhi peningkatan permintaan sumber perikanan, perusahaan perikanan telah diberi perhatian oleh Pentadbiran Residen British II. Dengan menyediakan perancangan dan peruntukan, pelbagai langkah telah dilaksanakan dari penubuhan sebuah Jabatan Perikanan Gabungan hingga kepada pemodenan dan penerapan beberapa teknologi penangkapan ikan yang baru. Apa yang pasti, dengan



berganding bahu bersama golongan pemodal Cina, Pentadbiran Residen British II telah dapat memperkenalkan bahan binaan keluaran kilang, enjin sangkut dan air batu dalam operasi penangkapan dan pemasaran sumber perikanan. Kewujudan ketiga-tiga fasiliti penting ini, ditambah lagi dengan kemajuan sistem pengangkutan darat, hasil perikanan dalam bentuk segar telah dapat ditingkatkan dan dipasarkan dalam ruang yang lebih luas, tidak terhad di kawasan pusat pendaratan sahaja.

Walau bagaimanapun perkembangan pesat perusahaan perikanan ini tidak selari dengan pertambahan pesat bilangan penduduk yang rata-rata memerlukan bekalan sumber perikanan dalam bentuk segar. Ditambah lagi dengan semakin berkurangnya bilangan para nelayan yang terlibat dalam perusahaan perikanan, telah mengakibatkan perusahaan perikanan tidak mampu untuk memenuhi keseluruhan permintaan sumber perikanan terutama dalam bentuk segar. Impak dari situasi ini, kebergantungan kepada bekalan sumber perikanan import dari negeri-negeri jiran semakin bertambah, bukan hanya dalam bentuk kering dan masin seperti yang berlaku pada zaman Pentadbiran Residen British I sebelum ini, tetapi juga komoditi perikanan import dalam bentuk segar. Ini menunjukkan bahawa tindakan awal yang dilaksanakan untuk memaju dan memodenkan perusahaan perikanan pada zaman Pentadbiran Residen British II belum dapat dianggap berjaya kerana belum dapat mengatasi dan memenuhi permintaan komoditi perikanan di pasaran tempatan.

Permintaan sumber perikanan dalam bentuk segar semakin meningkat tinggi pada zaman Pentadbiran Berkerajaan Sendiri. Dasar kerajaan yang mengutamakan pembangunan infrastruktur dan mempelbagaikan ekonomi melalui beberapa RKN lima tahun yang memerlukan lebih ramai tenaga buruh asing merupakan faktor utama kepada peningkatan ini. Untuk memenuhi permintaan ini, pihak kerajaan telah memberi

komitmen dan perhatian tinggi terhadap pembangunan perusahaan perikanan. Pelbagai rancangan dan tindakan telah diambil yang menjurus kepada usaha meningkatkan hasil perikanan bagi memenuhi peningkatan permintaan sumber perikanan dan mengurangkan kebergantungan kepada komoditi perikanan import. Penubuhan Jabatan Perikanan Brunei, penggunaan bahan sintetik dan pukat yang telah siap dibina serta kebenaran percubaan penggunaan bot pukat tunda, jelas menggambarkan kesungguhan pihak kerajaan untuk meningkatkan tahap perusahaan perikanan bagi menghasilkan lebih banyak kuantiti hasil perikanan. Ringkasnya, pihak kerajaan merupakan nadi dan penyumbang utama kepada perkembangan dan perubahan perusahaan perikanan.

Usaha untuk menghasilkan lebih banyak hasil perikanan tidak dapat dicapai kerana kurang mendapat sambutan daripada para penduduk. Tidak ramai penduduk yang melibatkan diri dalam perusahaan perikanan. Mereka lebih suka untuk berkhidmat makan gaji dalam perkhidmatan awam yang memberi banyak keistimewaan seperti elaun sara diri, sewa rumah kediaman yang rendah, tambang cuti dan melancong ke luar negara, tambang haji, bayaran persekolahan, pinjaman membeli rumah dan kenderaan tanpa faedah. Impak dari situasi ini, bilangan nelayan dan kuantiti hasil perikanan semakin menurun dari setahun ke setahun. Berikutan dengan pertambahan penduduk dan peningkatan kuantiti permintaan sumber perikanan, perkembangan kurang membanggakan perusahaan perikanan tidak mampu memenuhi permintaan sumber perikanan. Dengan ini, kebergantungan kepada sumber perikanan import untuk memenuhi permintaan sumber perikanan berterusan pada tempoh ini yang semakin meningkat dari tempoh sebelumnya khususnya dari komoditi perikanan dalam bentuk segar. Dapat disimpulkan di sini bahawa kurangnya sambutan para penduduk terhadap kesungguhan pihak kerajaan dalam membangun dan memajukan perusahaan perikanan

merupakan faktor utama yang mempengaruhi ketidakmampuan perusahaan perikanan memenuhi permintaan sumber perikanan pada zaman Pentadbiran Berkerajaan Sendiri.

Setelah Brunei mencapai kemerdekaan pada 1 Januari 1984, permintaan terhadap sumber perikanan semakin bertambah tinggi. Peningkatan bukan hanya berlaku dari aspek kuantiti tetapi juga dari aspek bentuk produk perikanan. Pada zaman-zaman sebelum ini, permintaan hanya terarah kepada sumber perikanan dalam bentuk segar dan kering sahaja. Manakala pada zaman kemerdekaan, produk perikanan dalam bentuk dingin beku dan yang ditinkan juga mendapat permintaan yang tinggi untuk sumber permakanan penduduk tempatan. Peningkatan dari segi kuantiti dan pertambahan dari segi bentuk ini dipengaruhi oleh dasar kerajaan yang memberikan perhatian serius terhadap usaha mempelbagaikan ekonomi dari sektor-sektor bukan minyak. Dengan bertambahnya aktiviti pembangunan maka semakin bertambah juga bilangan pekerja asing yang melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi. Kedatangan lebih ramai pekerja asing sudah setentunya meningkatkan permintaan sumber perikanan untuk makanan.

Bagaimanapun, peningkatan permintaan sumber perikanan ini telah mempengaruhi kepada perubahan dan perkembangan perusahaan perikanan di Brunei secara menyeluruh. Apa yang jelas pihak kerajaan telah menjadi penggerak utama dalam pembangunan perusahaan perikanan bagi meningkatkan hasil perikanan dan memenuhi permintaan sumber perikanan. Pelbagai strategi dan usaha pembangunan untuk meningkatkan hasil perikanan dalam bentuk segar dan telah diproses telah dilaksanakan. Apa yang jelas, penggunaan vesel berenjin dalam, pengkomersialan syarikat nelayan kecil-kecilan dan perluasan sektor akuakultur diberi tumpuan untuk meningkatkan hasil perikanan segar. Manakala galakan pembukaan perusahaan dalam sektor pemprosesan bagi meningkatkan hasil perikanan dalam bentuk yang diproses. Namun demikian, hanya

syarikat nelayan kecil-kecilan dan sektor akuakultur sahaja yang memperlihatkan pencapaian yang lebih baik dalam meningkatkan hasil perikanan. Bagaimanapun, kejayaan meningkatkan hasil perikanan ini disumbangkan oleh tenaga buruh asing yang memenuhi kedua-dua sektor ini. Jelas di sini, bahawa tenaga buruh asing memainkan peranan penting dalam usaha meningkatkan hasil perikanan.

Walaupun berjaya meningkatkan hasil perikanan, tetapi masih belum dapat memenuhi permintaan sumber perikanan. Pencapaian menggalakkan syarikat nelayan kecil-kecilan dan sektor akuakultur hanya dapat mengurangkan kuantiti import sumber perikanan dalam bentuk segar sahaja. Manakala sektor pemprosesan yang masih baru diperkenalkan, sudah pasti tidak dapat mengimbangi peningkatan permintaan sumber perikanan dalam bentuk yang diproses sama ada produk kering, dingin beku dan yang ditinkan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa perusahaan perikanan di Brunei masih tidak berkemampuan untuk memenuhi permintaan sumber perikanan. Ketidakkampuan ini bermakna Brunei masih bergantung kepada komoditi perikanan import seperti yang berlaku pada zaman-zaman sebelum ini. Apa yang membimbangkan lagi, kebergantungan ini bukan hanya terhad kepada komoditi perikanan dalam bentuk segar dan kering sahaja, tetapi juga kepada komoditi perikanan dalam bentuk dingin beku dan yang ditinkan. Selain itu, negara asal komoditi perikanan import juga semakin bertambah, dari hanya mengimport daripada negeri-negeri jiran telah semakin meluas sehingga ke Singapura, Semenanjung Malaysia, Thailand, Filipina, India dan sebagainya.

Berdasarkan kepada situasi perubahan dan perkembangan yang berlaku dalam perusahaan perikanan Brunei sepanjang tempoh kajian dari tahun 1800 hingga 2008 adalah jelas perusahaan perikanan tidak berkemampuan untuk memenuhi permintaan sumber perikanan. Secara umum, enam faktor utama dikenalpasti telah

mempengaruhi terhadap ketidakmampuan perusahaan perikanan Brunei memenuhi permintaan sumber perikanan iaitu peranan pihak pentadbiran, peranan golongan pemodal, perkembangan ekonomi daratan, pertambahan penduduk, bilangan nelayan dan teknologi perikanan. Ketidakmampuan ini menyebabkan Brunei bergantung kepada komoditi perikanan dari luar.

Peranan yang dimainkan oleh pihak pentadbiran dalam pembangunan perusahaan perikanan merupakan faktor penting yang boleh dianggap sebagai pemegang watak utama dalam mempengaruhi perubahan dan perkembangan perusahaan perikanan. Jika diteliti dengan lebih mendalam, didapati peminggiran perkembangan aktiviti dan perusahaan perikanan oleh tiga sistem pentadbiran terawal telah mempengaruhi dan menjejaskan dasar tiga sistem pentadbiran selepas Perang Dunia Kedua yang memberi perhatian terhadap perkembangan perusahaan perikanan.

Pentadbiran Tradisi dan Pentadbiran Residen British I tidak menumpukan perhatian serta tidak terlibat secara langsung dalam perkembangan perusahaan perikanan. Sektor perikanan pada tempoh ini dicirikan dengan penggunaan teknologi yang rendah dengan penggunaan peralatan tradisional dan bot perikanan tidak berenjin. Penglibatan Pentadbiran Residen British I hanya berlaku dalam memperkenalkan dan menguatkuasakan pelesenan bot dan peralatan menangkap ikan, dan beberapa akta yang berhubung kait dengan perusahaan perikanan bagi mengaut keuntungan. Walaupun langkah ini tidak memberi sumbangan yang besar terhadap perkembangan perusahaan perikanan, namun ia telah meletakkan batu asas dalam corak pentadbiran berasaskan perundangan bagi pemerintah boleh mendapatkan hasil pendapatan dari perusahaan perikanan. Dengan ini, dasar kedua-dua sistem pentadbiran yang meminggirkan perusahaan perikanan merupakan salah satu penyebab utama ketidakmampuan

perusahaan perikanan memenuhi permintaan sumber perikanan. Keadaan ini telah menyebabkan Brunei bergantung terhadap bekalan komoditi perikanan dari tanah jajahan untuk memenuhi permintaan pasaran antarabangsa semasa zaman Pentadbiran Tradisi dan dari negeri-negeri jiran dalam bentuk yang diproses khususnya produk kering untuk memenuhi permintaan pasaran tempatan semasa zaman Pentadbiran Residen British I. Oleh itu jika dihalusi dengan lebih teliti, didapati bahawa benih kebergantungan terhadap komoditi perikanan dari luar yang menjadi permasalahan utama dalam perusahaan perikanan Brunei sehingga kini, sebenarnya mula tersemai sejak zaman Pentadbiran Tradisi dan zaman Pentadbiran Residen British I.

Semasa Perang Dunia Kedua, Brunei diperintah oleh pentadbiran tentera Jepun. Dasar utama pentadbiran tentera Jepun adalah bagi memastikan keselamatan dan kekukuhan sistem pertahanan Jepun sahaja. Tiada sebarang rancangan atau usaha yang dilakukan untuk membangun perusahaan perikanan. Dasar yang dilaksanakan ini telah membawa perusahaan perikanan ke zaman kemunduran. Peralatan menangkap ikan, bot-bot perikanan dan aktiviti perikanan musnah seiring dengan kemusnahan ekonomi serta ketidakstabilan politik dan keselamatan pada tempoh itu. Tidak timbul sebarang persoalan tentang ketidakmampuan perusahaan perikanan dan kebergantungan terhadap komoditi perikanan dari luar pada waktu itu. Kewujudan perusahaan perikanan hanya pada peringkat sara diri sahaja.

Setelah tentera Jepun menyerah kalah, Pentadbiran Residen British telah dapat diperkenalkan semula. Dasar Pentadbiran Residen British II telah mula mengambil perhatian dengan terlibat secara langsung dalam perkembangan perusahaan perikanan melalui penubuhan Jabatan Perikanan gabungan Brunei-Sarawak. Peranan Pentadbiran Residen British II dalam mempengaruhi perkembangan perusahaan perikanan jelas

tergambar dalam usaha merangsang pembangunan perusahaan perikanan. Antaranya dengan membawa masuk teknologi keluaran kilang dan memperkenalkan penggunaan bot berenjin sangkut. Bagaimanapun tindak balas yang lebih positif Pentadbiran Residen British II terhadap perusahaan perikanan tidak dilakukan sepenuhnya. Pihak pentadbiran hanya memainkan peranan dalam mempromosi dan memberi khidmat nasihat teknikal mengenai penggunaan teknologi baru tersebut. Oleh itu, usaha merangsang pembangunan perusahaan perikanan yang dilaksanakan masih tidak dapat mengatasi kebergantungan kepada komoditi perikanan import untuk memenuhi permintaan sumber perikanan yang semakin meningkat. Malahan usaha ini bukan sahaja tidak dapat mengatasi ketidakmampuan perusahaan perikanan dalam memenuhi permintaan sumber perikanan, tetapi juga telah meningkatkan bentuk komoditi perikanan import kepada bentuk segar dan yang berproses produk ikan kering.

Pertambahan bentuk dan peningkatan kuantiti kebergantungan terhadap komoditi perikanan import yang ditinggalkan oleh Pentadbiran Residen British II telah menjadi satu tugas berat kepada pihak pentadbiran pada zaman Pentadbiran Berkerajaan Sendiri. Hal ini telah memperlihatkan peranan yang dimainkan oleh pihak kerajaan yang memberi komitmen dan perhatian tinggi terhadap pembangunan perusahaan perikanan. Selain daripada menambah baik usaha yang telah dibuat oleh Pentadbiran Residen British II dengan menubuhkan Jabatan Perikanan Brunei sendiri menggantikan Jabatan Perikanan gabungan Brunei-Sarawak, menambah penggunaan teknologi moden dengan memperkenalkan penggunaan bahan sintetik dan pukot yang telah siap dibina; pihak kerajaan juga telah memberi kebenaran penggunaan bot pukot tunda sebagai langkah percubaan. Walaupun tahap perusahaan perikanan dapat dipertingkatkan dengan penggunaan beberapa teknologi perikanan moden, namun ia

masih tidak mampu untuk memenuhi permintaan sumber perikanan yang sekali gus komoditi perikanan import terus diperlukan.

Selepas Brunei mencapai kemerdekaan, usaha-usaha pembangunan perusahaan perikanan yang dilaksanakan telah menyerlahkan lagi peranan dan kesungguhan pihak kerajaan yang menjadi nadi penggerak utama perkembangan perusahaan perikanan. Berbeza dengan zaman sebelum ini, peranan pihak kerajaan dalam pembangunan perusahaan perikanan pada tempoh ini lebih menyeluruh sama ada dari segi usaha pembangunan yang dilaksanakan dan juga dari segi bentuk komoditi perikanan yang dihasilkan. Pengkomersialan sektor tangkapan, akuakultur dan pemprosesan merupakan peranan penting yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan pada tempoh ini. Usaha pengkomersialan ini bukan hanya dapat meningkatkan penghasilan komoditi perikanan dalam bentuk segar tetapi juga menghasilkan komoditi perikanan dalam bentuk yang telah diproses dalam pelbagai produk. Namun demikian, peningkatan ini hanya dapat mengurangkan kuantiti perikanan import dalam bentuk segar, tetapi tidak dapat mengatasi kebergantungan kepada komoditi perikanan import secara keseluruhan. Ketidakmampuan ini bukan sahaja tidak dapat memenuhi permintaan sumber perikanan, tetapi juga telah menambahkan bentuk dan produk komoditi perikanan import iaitu segar, kering, dingin beku dan yang ditinkan.

Selain dari peranan yang dimainkan oleh pihak pentadbiran, golongan pemodal khususnya pemodal berbangsa Cina juga memainkan peranan penting dalam mempengaruhi perubahan dan perkembangan perusahaan perikanan. Keterlibatan golongan pemodal Cina dalam perusahaan perikanan bermula sejak zaman Pentadbiran Residen British I hingga ke zaman Kemerdekaan. Sepanjang tempoh penglibatan tersebut, mereka merupakan pihak yang benar-benar memahami selok-belok dan arah tuju



perusahaan perikanan di Brunei. Kefahaman mereka ini telah memainkan peranan dalam mempengaruhi perubahan dan perkembangan perusahaan perikanan dari peringkat pengeluaran hingga ke peringkat pemasaran. Sehingga zaman Pentadbiran Berkerajaan Sendiri, mereka adalah penggerak terhadap sebarang tindakan yang dirancang oleh pihak pentadbiran dalam membangun perusahaan perikanan. Situasi ini telah membolehkan mereka menguasai perusahaan perikanan dan sekali gus mencipta keuntungan daripadanya.

Peranan golongan pemodal Cina dalam mempengaruhi perubahan dan perkembangan perusahaan perikanan bertitik tolak daripada kemampuan mereka untuk mencipta keuntungan daripada perusahaan perikanan. Dengan kata lain, tindak balas mereka membangunkan perusahaan perikanan adalah bagi mengaut keuntungan yang besar. Dalam usaha mengaut keuntungan, mereka sentiasa peka akan kehendak pasaran. Ini jelas pada zaman Pentadbiran Residen British I mereka memberi tumpuan kepada penghasilan produk perikanan kering dan masin yang mendapat permintaan tinggi di pasaran tempatan dan antarabangsa pada waktu itu. Melalui “sistem tauke” yang mereka perkenalkan, telah membolehkan mereka mengorganisasi para nelayan untuk menjamin bekalan sumber laut untuk dikering dan dimasinkan.

Selain itu, golongan pemodal Cina juga berkemahiran dalam membuka dan merebut peluang untuk menguasai perusahaan perikanan dan sekali gus mencipta keuntungan. Dasar memodenkan teknologi yang diperkenalkan oleh Pentadbiran Residen British II dan Pentadbiran Berkerajaan Sendiri telah dimanfaatkan sepenuhnya oleh golongan pemodal Cina untuk mengaut keuntungan dan menguasai perusahaan perikanan. Dalam hal ini, mereka bertindak sebagai peminjam wang atau pemberi hutang dengan mengeluarkan modal dan perbelanjaan secara kredit untuk membolehkan para nelayan

menggunakan teknologi perikanan moden. Selain mencipta keuntungan, kaedah yang digunakan ini juga telah membolehkan mereka menguasai para nelayan dan mengawal teknologi perikanan.

Golongan pemodal Cina juga berkebolehan mencipta ruang untuk menguasai perusahaan perikanan dan mengaut keuntungan besar daripadanya. Penumpuan mereka terhadap urusan pengimportan produk perikanan dingin beku merupakan bukti yang memperlihatkan kebolehan mereka mencipta ruang yang baru setelah penguasaan mereka terhadap perusahaan perikanan semakin berkurangan pada zaman Kemerdekaan. Penguasaan ruang yang baru ini telah membolehkan mereka mencipta keuntungan yang lebih besar. Permintaan produk perikanan dingin beku merupakan komoditi perikanan import paling tinggi mengalami peningkatan pada penghujung liputan tempoh kajian.

Pengeksploitasian dan pembangunan sumber ekonomi daratan yang telah menambahkan bilangan penduduk juga dikenalpasti telah mempengaruhi secara tidak langsung terhadap perubahan dan perkembangan perusahaan perikanan di Brunei. Seperti yang dijelaskan sebelum ini, sejak Pentadbiran Residen British I hingga ke penghujung tempoh kajian ini, dasar pihak pentadbiran sangat mengutamakan kepada pembangunan sumber ekonomi daratan yang memerlukan ramai tenaga buruh. Atas keperluan tenaga buruh ini juga telah mempengaruhi para nelayan untuk berpindah melibatkan diri dalam sektor ekonomi daratan. Hal ini mewujudkan satu situasi baru dalam perusahaan perikanan yang perlu meningkatkan hasil perikanan berikutan peningkatan permintaan sumber perikanan dengan keadaan bilangan nelayan yang semakin berkurangan dari setahun ke setahun. Situasi ini juga mewujudkan senario baru dalam perusahaan perikanan dengan peningkatan setiap tahun penglibatan nelayan asing dalam sektor perikanan komersial.

Jika diteliti dengan lebih mendalam, antara dasar pembangunan ekonomi daratan yang sangat diberi perhatian dengan bilangan nelayan yang semakin berkurangan, didapati minda dan minat rakyat dan penduduk Brunei telah berubah daripada menjadi nelayan sebagai pekerjaan utama kepada bekerja makan gaji di sektor awam. Dengan kata lain, pekerjaan sebagai nelayan bukanlah sesuatu yang penting bagi rakyat dan penduduk Brunei. Ini terbukti dengan bilangan nelayan sambilan lebih tinggi berbanding nelayan sepenuh masa. Oleh itu, jika dihalusi lagi, situasi ini merupakan salah satu lagi faktor utama yang menyebabkan perusahaan perikanan tidak mampu memenuhi permintaan sumber perikanan yang sekali gus menyebabkan Brunei bergantung kepada komoditi perikanan import. Ini kerana, nelayan merupakan nadi penggerak utama dalam perusahaan perikanan. Apa pun rancangan dan strategi yang dilakukan oleh mana-mana pihak untuk membangunkan perusahaan perikanan, tidak akan mencapai kejayaan tanpa mendapat sambutan daripada para nelayan.

Bagaimanapun, situasi bilangan nelayan yang semakin berkurangan ini telah mempengaruhi kepada peningkatan tahap peralatan menangkap ikan dan teknologi perikanan di Brunei. Atas keperluan meningkatkan hasil perikanan, peralatan menangkap ikan dan teknologi perikanan perlu ditingkatkan bagi mengimbangi kekurangan bilangan nelayan dalam perusahaan perikanan. Ini jelas tergambar, usaha memperkenalkan peralatan dan teknologi moden yang mula diberi perhatian semasa Pentadbiran Residen British II, diikuti seterusnya pada zaman Pentadbiran Berkerajaan Sendiri dan zaman Kemerdekaan yang masing-masing pada setiap zaman ini peratusan bilangan nelayan telah mengalami penurunan. Bagaimanapun, usaha memoden dan meningkatkan peralatan menangkap ikan dan teknologi perikanan ini masih juga tidak dapat memenuhi sepenuhnya permintaan sumber perikanan.

Walaupun peningkatan tahap teknologi perikanan tidak mampu memenuhi peningkatan permintaan sumber perikanan, namun ia dapat meningkatkan hasil pendaratan. Apa yang dapat dikenalpasti, seiring dengan peningkatan tahap teknologi perikanan ini, bilangan penduduk juga terus meningkat yang rata-rata tidak terlibat dalam perusahaan perikanan. Dengan kata lain, walaupun hasil perikanan dapat ditingkatkan dengan adanya teknologi perikanan moden, namun pada masa yang sama bilangan penduduk juga semakin bertambah. Dengan ini menunjukkan bahawa pembangunan teknologi perikanan yang diberi tumpuan oleh pihak pentadbiran selepas Perang Dunia Kedua tidak selari dengan pertambahan bilangan penduduk.

Namun demikian, usaha memoden dan meningkatkan peralatan menangkap ikan dan teknologi perikanan telah dapat merubah dan mengembangkan perusahaan perikanan. Penggunaan peralatan menangkap ikan yang diperbuat dari bahan-bahan buatan kilang telah memudahkan para nelayan dalam operasi penangkapan sumber perikanan. Ditambah lagi dengan adanya bot perikanan berenjin sangkut yang digunakan secara meluas serta adanya air batu telah membolehkan para nelayan menjalankan operasi penangkapan ikan di kawasan yang lebih jauh dari pantai. Selain itu, proses pemasaran hasil perikanan juga dapat dilakukan dengan cepat. Begitu juga dengan penggunaan vesel berenjin dalam seperti pukat tunda, pukat lengkung dan pukat rawai telah membolehkan pengeksploitasian sumber perikanan di kawasan laut dalam luar pantai.

Selain dari faktor-faktor dalaman seperti yang dijelaskan di atas, faktor-faktor luaran juga mempengaruhi akan kebergantungan Brunei terhadap komoditi perikanan import untuk memenuhi permintaan sumber perikanan. Kedudukan geografi, kemudahan sistem pengangkutan, kesediaan pembekal/ pengeksporth dan tukaran mata wang merupakan antara faktor luaran utama yang mempengaruhi peningkatan kuantiti

perikanan import. Kedudukan Brunei yang berada berdekatan dengan daerah-daerah pengeluar sumber perikanan telah memudahkan proses pengimportan komoditi perikanan dilakukan. Ini jelas tergambar, dengan penggunaan air batu komoditi perikanan dalam bentuk segar dengan mudah diperoleh dari daerah-daerah berdekatan. Proses pengimportan juga dipermudahkan lagi dengan perkembangan sistem pengangkutan dari semasa ke semasa. Bermula daripada pengimportan melalui jalan laut telah berkembang melalui jalan darat yang lebih mudah dan menjimatkan kos penghantaran. Malahan pada peringkat akhir tempoh kajian ini, pengimportan komoditi perikanan dengan menggunakan pengangkutan udara juga telah dapat dilakukan. Apa yang lebih penting, kesediaan para pembekal dan pengeksport komoditi perikanan yang sebahagian besarnya mempunyai hubungan kekeluargaan membekalkan komoditi perikanan dengan harga yang lebih murah berbanding kos penangkapan ikan. Dengan kata lain, membeli ikan lebih murah dan menguntungkan dari menangkap ikan. Nilai pertukaran mata wang Brunei yang lebih tinggi berbanding nilai mata wang negara pengeksport komoditi perikanan merupakan antara faktor utama kesediaan para pembekal dan pengeksport membekalkan komoditi perikanan yang sudah pasti memberi keuntungan yang lebih besar berbanding dari pasaran di tempat mereka.

Dari apa yang dijelaskan di atas, menunjukkan bahawa perusahaan perikanan telah mengalami perubahan dan perkembangan atas pelbagai usaha pembangunan yang telah dilaksanakan oleh pihak pentadbiran dan golongan pemodal. Bagaimanapun, penumpuan dan perhatian terhadap usaha pembangunan perusahaan perikanan yang dilaksanakan agak terlambat jika dibandingkan dengan usaha pembangunan sumber ekonomi yang lain. Usaha pembangunan hanya diberi perhatian sepenuhnya setelah perusahaan perikanan tidak mampu memenuhi permintaan sumber perikanan dan kebergantungan terhadap komoditi perikanan import semakin meningkat. Apa yang jelas,

pelbagai rancangan dan langkah pembangunan perusahaan perikanan yang dilaksanakan, tidak dapat mengatasi persoalan kebergantungan terhadap komoditi perikanan import dari luar negara sehingga hari ini.

Di samping itu, usaha pembangunan perusahaan perikanan yang dilaksanakan juga lebih tertumpu kepada proses memodenkan peralatan menangkap ikan dan memperkenalkan teknologi perikanan yang baru. Usaha untuk menarik minat rakyat dan penduduk untuk melibatkan diri dalam perusahaan perikanan kurang diberi perhatian. Dengan meminjam istilah dunia politik Melayu “akar umbi” yang sering digunakan sekarang, jelas menunjukkan bahawa pihak pentadbiran dan golongan pemodal belum cukup mengakarumbikan langkah dan usaha pembangunan perusahaan perikanan. Oleh itu, pembangunan komprehensif yang lebih terancang dan menyeluruh serta memberi tumpuan terhadap usaha menarik minat rakyat dan penduduk khususnya generasi muda untuk melibatkan diri dalam perusahaan perikanan secara sepenuh masa sangat perlu dilakukan segera.

Kebergantungan kepada komoditi perikanan import sama ada dalam bentuk segar atau produk hiliran berasaskan perikanan dari luar negara yang menawarkan harga yang lebih murah, hanya akan menguntungkan dalam tempoh jangka masa yang pendek sahaja. Dengan keterhadan keluasan perairan Brunei dan berjiran dengan negara pengeksporth sumber perikanan serta kepentingan industri minyak dan gas luar pantai sebagai sumber pendapatan utama negara, kepentingan sektor perikanan sebagai salah satu sumber utama negara yang lestari (*sustainable*) yang diharap dapat mempercepatkan usaha kerajaan dalam mempelbagaikan ekonomi dan menyumbang kepada KDNK perlu diteliti semula. Apa yang perlu diberi perhatian dan tumpuan segera ialah kepentingan dan peranan sektor perikanan terhadap sekuriti dan keselamatan makanan bagi penduduk

Brunei. Dengan kata lain, usaha mengatasi kebergantungan terhadap komoditi perikanan import perlu diambil tindakan segera. Kebergantungan terhadap komoditi perikanan import secara berterusan akan memberi impak kepada sekuriti dan keselamatan makanan berasaskan perikanan. Oleh itu, kefahaman terhadap penawaran dan permintaan komoditi perikanan perlu dikuasai sepenuhnya oleh pihak kerajaan dan pihak yang terlibat dalam perusahaan perikanan bagi mengatasi kebergantungan terus menerus terhadap komoditi perikanan import.